

B616:  
MAHATHIR-MUSABAGAH

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELAPAS PUKUL 10 MALAM HARI INI 13 JUN

-----  
1982

IPOH, 13 JUN (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI BAHAWA DESAKAN KERAJAAN SUPAYA RAKYAT MENIRU ETIKA KERJA ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN TIDAK LANGSUNG MELIBATKAN CAMPUR-ADUK DARI SEGI AGAMA.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU GESAAN KERAJAAN ITU DISALAH TAFSIRKAN UNTUK TUJUAN-TUJUAN TERTENTU KERANA 'AGAMA ISLAM ADALAH AGAMA ISLAM DAN AGAMA MEREKA ADALAH AGAMA MEREKA'.

KATANYA TIDAK ADA YANG DICAMPUR-ADUK DARI SEGI AGAMA JIKALAU RAKYAT NEGARA INI MENIRU CARA KERJA ATAU MENUNTUT ILMU DARI ORANG LAIN, MALAHAN DESAKAN KERAJAAN ITU ADALAH SELARAS DENGAN KEHENDAK HADITH NABI MOHAMAD.

KATA BELIAU CUMA ORANG YANG TIDAK MAHU UMAT ISLAM BERJAYA, KUAT, BEBAS DAN BAHAGIAN SAHAJA AKAN MEMBUAT TAFSIRAN LAIN TERHADAP DESAKAN KERAJAAN ITU.

BERUCAP MERASMIKAN MUSABAGAH MEMBACA ALQURAN PERINGKAT KEBAANGSAAN KALI KE-24 DI SINI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN 'APA YANG PENTING IALAH ILMU DAN CARA KERJA YANG KITA PELAJARI AKAN MEMBEBAHKAN KITA DARI BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN SELAMA-LAMANYA DEMI KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAN KITA'. --BERSAMBUNG 1951/OM

MAHATHIR-MUSABAGAH 2 IPOH

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MEMPELAJARI CARA BEKERJA DARI JEPUN DAN KOREA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA MENUNTUT ILMU DAN INI TIDAK BERTENTANGAN DENGAN ISLAM KERANA HADITH NABI SENDIRI MENYURUH UMATNYA 'MENUNTUT ILMU WALAUPUN SEHINGGA KE NEGERI CHINA'.

KATANYA, BERBUAT DEMIKIAN SAMALAH KAEDAHNYA DENGAN MEMBELI SENJATA CIPTAAN ORANG LAIN UNTUK MEMPERTAHANKAN UMAT ISLAM ATAU MENGGUNAKAN LAIN-LAIN ALAT CIPTAAN MEREKA UNTUK KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN UMMAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN TIDAK ADA JALAN PALING BERKESAN BAGI MENJAMIN MASA DEPAN UMAT ISLAM KECUALI DENGAN MENINGKATKAN DISIPLIN DAN KESUNGGUHAN DI DALAM SEMUA LAPANGAN, TERMASUK LAPANGAN PEKERJAAN.

MENURUTNYA KERJA YANG HALAL YANG DILAKUKAN DENGAN DISIPLIN DAN KESUNGGUHAN, SEBAGAIMANA YANG DITUNTUT OLEH ISLAM, ADALAH IBADAT.

PERDANA MENTERI YAKIN JIKA SETIAP INDIVIDU ISLAM MELIHAT KERJANYA SEBAGAI SATU IBADAT, GOLONGAN PEKERJA ISLAM AKAN MENJADI GOLONGAN YANG PALING BERDISIPLIN DAN BERKESAN DALAM MEMBINA NEGARA DAN MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM. --BERSAMBUNG 1956/OM

B618:  
MAHATHIR-MUSABAQAH 3 IPOH (EMBARGO)

MALANGNYA, KATA PERDANA MENTERI, UMAT ISLAM MASIH MEMILIH KERJA YANG RINGAN, BERPANGKAT DAN KERJA YANG TIDAK MEMERLUKAN KECEKAPAN, KESUNGGUHAN DAN DISIPLIN.

BANYAK KERJA-KERJA YANG PENTING SEKARANG INI DISERAHKAN KEPADA ORANG LAIN KERANA IANYA TIDAK SELESA ATAU TIDAK MENARIK MINAT UMAT ISLAM DAN DALAM PADA ITU RAMAI PULA YANG TIDAK SANGGUP BEKERJA DENGAN ORANG LAIN SAMA ADA YANG SEAGAMA ATAU YANG BERLAINAN AGAMA.

AKIBATNYA, ORANG ISLAM DAN NEGARA MEREKA MENJADI LEMAH MENYEBABKAN MEREKA TIDAK BEBAS BERDIKARI, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS SEGILINTIR UMAT ISLAM YANG MEMBUTAHKAN MEMERIMA SARANAN PENDAPAT SEGOLONGAN SOSIALIS BARAT KONONNYA DESAKAN SUPAYA UMAT ISLAM BEKERJA KUAT AKAN MENJADIKAN MEREKA ROBOT-JENTERA YANG TIDAK BERFIKIRAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEBENARNYA SARANAN SERUPA ITU ADALAH DARI PIHAK YANG TIDAK MAHU ORANG LAIN BEKERJA KUAT ATAU MAJU MENANDINGI MEREKA YANG KINI MENGALAMI KESAN DARI KEMALASAN PEKERJA-PEKERJA MEREKA. --BERSAMBUNG 2000/0M

B619:  
MAHATHIR-MUSABAQAH 4 IPOH (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN PAHIT, UMAT ISLAM HENDAK MENERIMA HAKIKAT BAHAWA MEREKA MASIH LEMAH, MUNDUR, KURANG KEMAMPUAN, KURANG DISIPLIN DAN KURANG KESUNGGUHAN. BIASANYA YANG PAHITLAH YANG MENJADI MUJARAB.

UMAT ISLAM MESTILAH MENGGUNAKAN SEGALA SUMBER, TENAGA DAN POTENSI YANG ADA PADA MEREKA UNTUK MENGUBAH NASIB UMMAH DAN JANGAN BERMINAT DENGAN PERKARA-PERKARA YANG MUDAH SAHAJA DALAM ISLAM.

ADALAH SUNGGUH MALANG MELIHATKAN UMAT ISLAM MEMBELAKANGKAN PERKARA-PERKARA DALAM ISLAM YANG MEMERLUKAN DISIPLIN DAN KESUNGGUHAN KERANA SIFAT-SIFAT INI BERCANGGAH DENGAN NAFSU MEREKA, KATA PERDANA MENTERI.

TIDAK ADA GUNANYA UMAT ISLAM SEMATA-MATA MELAUNG-LAUNGGAN TENTANG KEAGUNGAN, KEMULIAAN ATAU BETAPA LENGKAP DAN SEMPURNANYA ISLAM JIKA MEREKA TIDAK JUGA SAMPAI KEPADA KEBENARAN MENGENAI DIRI SENDIRI SEBAGAI UMAT DAN INDIVIDU ISLAM.

ISLAM, KATANYA, IALAH AGAMA YANG DINAMIS DAN BUKAN PASIF. IANYA HANYA AKAN DILIHAT SEBAGAI PASIF KERANA ORANG YANG MELIHATNYA PASIF, KATA BELIAU. --BERSAMBUNG 2/07/0M

MAHATHIR-MUSABAQAH 5 IPOH (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MEMINTA UMAT ISLAM MEMBETULKAN PENGERTIAN SEMPIT TERHADAP DAKWAH DAN MENGHENTIKAN TENGANGAN TERHADAP KERJA ATAS KONONNYA KERJA HANYA UNTUK MENUJU KEPADA KEJAYAAN KEBENDAAN DI DUNIA SAHAJA.

UMAT ISLAM HENDAKLAH BERDAKWAH DENGAN PENUH ISAF DAN PENGERTIAN DAN JANGAN BERBUAT DEMIKIAN UNTUK PERPECAHAN UMMAH ATAU LAIN-LAIN TUJUAN KERANA DALAM ISLAM MASYARAKAT ADALAH LEBIH PENTING DARI INDIVIDU.

SEBELUM ITU, PENERUSI JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA GURAN, DATUK SERI KAMARUDDIN HAJI MOHAMAD ISA, YANG JUGA DI-PERTUA YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH, MENGUMUMKAN BAHAWA PIHAKNYA TELAH MENUBUHKAN SEBUAH UNIT KHIDMAT BIMBINGAN ISLAM.

KHIDMAT UNIT ITU IALAH MENERUSI TELEFON, SURAT DAN PERUNDINGAN SECARA PERIBADI DAN BERTUJUAN MEMBANTU UMUM MENYELESAIKAN MASALAH AGAMA, MASYARAKAT DAN BELIA TERMASUK YANG MELIBATKAN FATWA.

DATUK SERI KAMARUDDIN JUGA MENDEDAHKAN BAHAWA PUSAT PENYELIDIKAN ISLAM BAHAGIAN AGAMA, JABATAN PERDANA MENTERI TELAH MENGESAN KIRA-KIRA 40 BENTUK AJARAN SESAT YANG MENGELIRUKAN DAN LANGKAH MEMBENTERAS GEJALA ITU SEDANG DIPERHEBATKAN.

BELIAU MERAKAMKAN PENGHARGAAN TINGGI KEPADA ALLAHYARHAM TUN SYED NASIR ISMAIL ATAS JASANYA MEMAJU PEMBACAAN GURAN SERTA SYIAR ISLAM SELAMA 14 TAHUN MENJADI PENERUSI JAWATANKUASA PUSAT ITU.

INILAH KALI KEDUA MUSABAQAH PERINGKAT KEBANGSAAN DIADAKAN DILUAR IBU NEGARA, SELEPAS SEREMBAN, TAHUN LALU. --BERSAMBUNG 2018/0M

B621  
MAHATHIR - MUSABAQAH 6 IPOH

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI HAJI WAN MOHAMAD HAJI WAN TEH DALAM UCAPANNYA BERKATA SELURUH RAKYAT PERLU MEMBANTU KERAJAAN MENGAWAL KEMELESETAN EKONOMI DUNIA DARIPADA MENJEJASKAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA RAKYAT MENJIMATKAN PERBELANJAAN DENGAN MEMBELI HANYA BARANG-BARANG PERLU MEREKA TELAH MEMBERIKAN BANTUAN YANG BERKESAN.

KATANYA KERAJAAN TERPAKSA MENJIMATKAN PERBELANJAAN SECARA MENGAJAI SEMULA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN SEKARANG, MEMBEKUKAN PENGAMBILAN PEKERJA-PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM DAN MEMBERHENTIKAN PERBELANJAAN YANG KURANG BERFAEDAH.

DATUK SERI HAJI WAN MOHAMAD MENEKANKAN BAHAWA LANGKAH TERSEBUT PERLU MENDAPATKAN SOKONGAN PENUH DARI SELURUH RAKYAT TERUTAMA MEREKA YANG BERAGAMA ISLAM. -- BERNAMA 2015/MK